# GURU DAN KETERAMPILAN MEMBACA DALAM KALANGAN MURID

**Dahlia Janan PhD**
Universiti Pendidikan Sultan Idris

## Abstrak

Sebagai model dalam masyarakat guru perlu berada di hadapan sebagai agen penggerak keterampilan membaca dalam kalangan murid mereka. Guru yang cemerlang berupaya meningkatkan keterampilan membaca dalam kalangan muridnya. Oleh yang demikian kertas kerja ini membentangkan aspek pengetahuan yang perlu ada dalam diri seseorang guru bagi meningkatkan keterampilan membaca muridnya. Aspek yang disentuh adalah faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan kemahiran membaca yang mencakupi faktor murid dan persekitaran secara ringkas serta faktor dan bahan bacaan secara rinci. Selanjutnya, dikupas kajian-kajian yang memperlihatkan kesan setiap faktor yang mempengaruhi perkembangan kemahiran membaca. Bahagian akhir kertas kerja ini memperlihatkan perkembangan semasa berkaitan kemahiran membaca secara umum dan membaca dalam bahasa Melayu secara khususnya.

*Kata kunci: kebolehbacaan, keterampilan, membaca, kemahiran membaca*

## PENGENALAN

Dalam keempat-empat kemahiran berbahasa, kemahiran membaca adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat. Kemahiran ini telah menjadi salah satu topik yang paling banyak dikaji dalam bidang pendidikan dan menjadi fokus utama dalam pengajaran dan pembelajaran pada tahap rendah. Oleh kerana pentingnya kemahiran membaca ini sebagai kemahiran untuk memperoleh maklumat, kebanyakan masyarakat percaya bahawa membaca adalah penting dalam pencapaian pelajaran. Oleh yang demikian, penguasaan kemahiran membaca ini turut dilihat berkait rapat dengan isu-isu berkaitan dengan pencapaian akademik.

Pembaca yang berketerampilan berupaya untuk membaca dan memahami. Keupayaan mereka tidak bergantung semata-mata kepada faktor dalaman pembaca sahaja, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti latar belakang dan persekitaran, guru dan persekitaran sekolah, sumber-sumber dan bahan-bahan bacaan (McKenna, Kear dan Ellsworth, 1995; Samuels, 1983; Wu & Hu, 2007). Rajah 1 di bawah menunjukkan tiga faktor yang saling mempengaruhi keupayaan pembaca untuk membaca dan memahami.

**Rajah 1: Tiga Faktor yang Saling Mempengaruhi Keupayaan Pembaca untuk Membaca dan Memahami**




Janan, 2011: 3

Keterampilan membaca dalam kalangan murid akan terganggu andai kata hubungan ketiga-tiga elemen yang mempengaruhi kefahaman membaca mereka itu mengalami masalah. Masalah dalam membaca ini bukanlah satu isu yang baharu, namun masalah ini tidak boleh dipinggir begitu sahaja kerana seluruh sistem pembelajaran murid akan lumpuh andainya mereka menghadapi masalah dalam bacaan.

Persoalan dalam bidang bacaan ini amat luas, iaitu ia melibatkan masalah dari aspek murid dan dari aspek bahan bacaan. Masalah dari aspek murid boleh dilihat dari segi intelek, psikologi, fizikal dan persekitaran. Faktor intelek murid mengambil kira aspek-aspek seperti kecerdasan, kebolehan bahasa, pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Faktor psikologi pula memperlihatkan pengaruh minat, motivasi dan konsep kendiri. Faktor fizikal pula memberi tumpuan kepada daya penglihatan dan daya pendengaran murid manakala faktor persekitaran berkaitan lokasi murid itu berada, iaitu sama ada di rumah atau di sekolah.

Selain faktor murid, guru dan logistik, faktor bahan bacaan boleh juga menjadi masalah dalam bidang bacaan. Faktor bahan bacaan ini dilihat melalui sudut penyediaan bahan bacaan itu sendiri misalnya aspek perbendaharaan kata, panjang pendek ayat, isi, struktur cerita, penggunaan dan organisasi bahan grafik (Dahlia Janan, 2011). Untuk mengatasi masalah dalam bidang bacaan terdapat pelbagai cara digunakan antaranya memilih bahan bacaan dengan mengambil kira tahap kebolehbacaan bahan dan tahap bacaan pembaca.

## APA ITU KEBOLEHBACAAN

Kebolehbacaan ialah kajian memadankan seseorang pembaca dengan sesebuah teks (Gilliland, 1975). Kajian literatur dalam bidang ini menunjukkan keputusan pedagogi atau keputusan berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang paling penting yang perlu dijalankan ialah "membuat padanan" (Fry, 1977), iaitu memastikan pelajar dibekalkan dengan bahan bacaan dalam apa-apa subjek sekalipun adalah berada pada tahap kepayahan yang sesuai dengan mereka. Pelajar yang diberikan bahan bacaan yang terlalu mudah dan tidak cukup mencabar akan menyebabkan pertumbuhan pembelajaran mereka boleh terbantut (Chall dan Conard, 1991). Manakala, pelajar yang diberikan bahan bacaan yang terlalu sukar pula boleh gagal mencapai kemajuan (Gambrell, Wilson dan

Gantt, 1981). Mereka sering mempamerkan masalah tingkah laku (Anderson, Wilkinson & Mason, 1987) dan mungkin menjadi begitu kecewa dan berputus asa (Kletzien, 1991).

Memadankan antara pelajar dengan bahan yang dibaca adalah satu kemahiran yang penting bagi guru-guru, dan sudah lama dipercayai bahawa kejayaan dalam menguasai kemahiran ini memerlukan pengetahuan yang berkaitan dengan tahap kebolehbacaan bahan. Laporan Bullock menyatakan bahawa, "kemahiran pengajaran yang amat penting ialah menilai tahap kesukaran buku dengan menggunakan langkah-langkah "kebolehbacaan". Guru yang boleh menggunakan pengetahuan berkaitan kebolehbacaan adalah dalam kedudukan yang lebih baik untuk memadankan bahan bacaan dengan pelajar mengikut keperluan mereka" (DES, 1975, 113).

## MENGAPA KITA MERAMAL KEBOLEHBACAAN

Berdasarkan definisi-definisi yang dikemukakan, ramalan kebolehbacaan bahan dibuat untuk memenuhi keupayaan membaca yang berbeza dalam kalangan pembaca. Misalnya pelajar di tingkatan tiga tidak semuanya mempunyai keupayaan membaca pada tahap yang sama. Tinggi rendah tahap keupayaan membaca murid tersebut bergantung kepada pelbagai faktor seperti faktor diri murid sama ada fizikal atau minda, faktor bahan, faktor persekitaran, iaitu latar belakang keluarga dan masyarakat.

Pemilihan bahan bacaan untuk murid merupakan sebahagian daripada tugasan penting dalam profesional perguruan. Sebagai individu, guru kadang kala tersilap dalam membuat keputusan berkaitan tahap kesukaran sesuatu buku. Kajian telah menunjukkan keputusan memilih bahan oleh kumpulan guru-guru mahir (*pooled teacher's*) lebih konsisten dan boleh dipercayai. Manakala keputusan yang dibuat oleh guru secara individu akan berbeza tahapnya hingga enam ke tujuh tahun daripada umur yang dianggarkan boleh membaca dan memahami bahan yang dipilih.

Oleh yang demikian, formula kebolehbacaan menyediakan satu langkah yang sistematik dalam pemilihan bahan bacaan. Pemilihan bahan bacaan menggunakan formula kebolehbacaan ini lebih konsisten dan boleh dipercayai. Ini kerana pemilihan melalui formula hanya mengambil kira faktor dalaman bahan, iaitu dari segi struktur

ayat dan perbendaharaan kata. Hal berkaitan emosi guru, taraf akademik guru dan pengalaman mengajar guru tidak terlibat. Namun, ini tidak bermakna ramalan guru tidak boleh digunakan langsung dalam pemilihan buku.

Salah satu cara untuk menentukan kesesuaian sesuatu buku adalah dengan cara menggunakan buku tersebut sepanjang semester. Namun demikian, jika pada akhir semester kita dapati bahan tersebut terlalu sukar, pembaziran masa telah berlaku. Wang juga dibazirkan kerana bahan yang dipilih itu tidak sesuai untuk digunakan lagi. Selain itu, cara tersebut tidak boleh membuat perbandingan antara buku-buku yang sesuai digunakan. Cara memilih bahan begini bukan sahaja mengambil masa dan membazirkan wang, malah merugikan murid-murid jika akhirnya kita mendapati bahan tersebut terlalu sukar.

Dengan ini, ramalan kebolehbacaan bahan merupakan kaedah yang sesuai digunakan kerana ia dapat memilih bahan bacaan yang berbeza-beza pada masa yang sama. Selain itu, untuk meningkatkan ketepatan pemilihan bahan bacaan tersebut beberapa formula kebolehbacaan boleh digunakan serentak terhadap bahan tersebut. Penggunaan ramalan kebolehbacaan bahan boleh menambah nilai ketepatan selain daripada pelajar dijadikan bahan uji untuk menentukan kesesuaian sesuatu bahan.

## FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEBOLEHBACAAN BAHAN

Pengkaji bidang kebolehbacaan telah menyenaraikan pelbagai kemungkinan pemboleh ubah yang mempengaruhi kesukaran sesuatu teks. Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat faktor-faktor kesukaran teks yang diukur dengan menggunakan beberapa pemboleh ubah yang dicadangkan oleh Harrison 1980, iaitu bidang reka bentuk tulisan, ilustrasi dan warna, perbendaharaan kata, konsep yang sukar, ayat dan organisasi teks.

## FAKTOR TULISAN YANG JELAS

Faktor tulisan yang jelas dalam penulisan ini merujuk kepada aspek reka bentuk sesuatu tulisan. Reka bentuk tulisan ini mengambil kira pelbagai aspek seperti jenis saiz tulisan, jenis fon, jarak antara huruf, jarak antara baris, saiz muka surat, ketebalan cetakan tulisan, ketebalan kertas dan

pelbagai lagi. Semua ini, didapati boleh mempengaruhi kebolehbacaan bahan. Jenis dan saiz fon yang berbeza diperlukan untuk kategori pembaca yang berbeza. Contoh di bawah dapat menerangkan hal ini dengan lebih jelas.

> *This is an example of 12 point. Type sizes in the range 12 point to 14 point are recommended for seven to eight year old children.*
> *This is an example of 11 point. This recommended as being the optimal size of type for ease speed of reading with adult readers.*
> *This is an example of 10 point. The range 10-12 point is recommended for children age nine to thirteen years.*
>
> (Harrison, 1980: 16)

Contoh di atas menunjukkan pengaruh saiz tulisan. Contoh di bawah pula menunjukkan pengaruh jenis tulisan.

Berdindingkan papan dan beratapkan genting. (Times New Roman)

**Berdindingkan papan dan beratapkan genting.** (Impact)

*Berdindingkan papan dan beratapkan genting.* (Monotype Corsiva)

Berdindingkan papan dan beratapkan genting. (Calligrapher)

Berdindingkan papan dan beratapkan genting. (Funstuff)

Berdindingkan papan dan beratapkan genting. (Aladdin)

Berdindingkan papan dan beratapkan genting. (Arial)

Berdindingkan papan dan beratapkan genting. (Century Ghothic)

## FAKTOR ILUSTRASI DAN WARNA

Ilustrasi turut membantu meningkatkan atau menurunkan tahap kebolehbacaan bahan bergantung kepada cara persembahan dan penggunaannya dalam bahan bacaan. Kajian membuktikan kanak-kanak amat menggemari bahan bacaan yang banyak mengandungi ilustrasi (Andrews, Jamye et. al, 2005: 1). Hal ini, secara lansung akan memudahkan mereka membaca bahan tersebut kerana adanya faktor minat di situ. Selain itu, ilustrasi juga boleh membantu meningkatkan kefahaman pembaca terhadap sesuatu konsep seperti ilustrasi yang terdapat dalam buku-buku sains.

Namun demikian penggunaan ilustrasi ini juga ada kelemahannya, iaitu ia boleh menyebabkan pembaca malas membaca dan hanya merujuk kepada ilustrasi untuk mendapatkan sesuatu maklumat atau

konsep. Hal ini perlu dielakkan kerana kadang-kala ilustrasi tidak dapat memuatkan semua fakta penting seperti yang terdapat dalam teks. Oleh itu, pembaca akan kehilangan fakta penting yang sepatutnya mereka kuasai.

Penggunaan warna turut mempengaruhi kebolehbacaan sesuatu bahan. Ini adalah kerana ia meningkatkan minat pembaca terhadap bahan bacaan. Penggunaan dakwat warna selain daripada warna hitam dan penggunaan kertas lain daripada warna putih boleh mengurangkan kejelasan bahan bacaan. Kajian telah menunjukkan penggunaan dakwat warna hitam, biru, dan hijau adalah lebih jelas dan mudah dibaca.

Contoh-contoh ilustrasi berikut menunjukkan cara lukisan dan cara mewarna yang berbeza. Dalam kajian yang telah dijalankan oleh Andrews dan Scharff 2002, mereka telah menemui bahawa murid-murid prasekolah lebih meminati buku yang bergambar terang dan realistik berbanding buku-buku yang mengandungi gambar-gambar terang dan abstrak, suram dan realistik serta suram dan abstrak. Kajian mereka ini telah membuktikan bahawa jenis ilustrasi yang digunakan dalam bahan bacaan memberi kesan kepada pembacanya.

Gambar terang dan realistik





Gambar terang dan abstrak





Gambar suram dan realistik





Gambar suram dan abstrak





## FAKTOR PERBENDAHARAAN KATA

Perbendaharaan kata adalah faktor yang paling penting dalam menentukan tahap kesukaran bahan bacaan. Kajian oleh Harrison 1980, telah membuktikan perbendaharaan kata adalah faktor yang paling meyakinkan untuk meramal kesukaran teks. Ada banyak cara mengukur kesukaran teks dengan menggunakan perbendaharaan kata, namun demikian dua cara yang paling biasa digunakan adalah dengan mengukur kepanjangan perkataan dan kekerapan perkataan.

Kepanjangan perkataan dikira dengan cara mengira suku kata atau jumlah huruf dalam perkataan tersebut. Manakala kekerapan perkataan dikira dengan cara melihat berapa kerap sesuatu perkataan digunakan. Perkataan yang panjang selalunya ialah perkataan yang jarang digunakan manakala perkataan yang kerap digunakan merupakan perkataan yang mudah kerana boleh lebih pantas dikenali dan difahami.

Contoh-contoh berikut menunjukkan ayat-ayat yang mengandungi perkataan yang jarang digunakan.

1. Kami sudah berkumpul di rumah *pasung*.
2. *Bercerancangan* senjata-senjata itu condong tegak dengan mulutnya terdedah ke atas.
3. Fajar *menjengah* wajahnya dari tirai langit sebelah timur.
4. Wajah-wajah yang kuning merah itu *ditabiri* awan yang berkelompok-kelompok.

(Cerpen *Kami yang Terlibat*, Usman Awang)

## FAKTOR KESUKARAN KONSEPTUAL

Faktor kesukaran konseptual berkait rapat dengan faktor perbendaharaan kata secara am. Namun demikian, kedua-dua faktor ini sepatutnya dianggap perkara yang berlainan. Dalam pengukuran kebolehbacaan faktor kesukaran konsep adalah faktor yang lebih penting berbanding dengan faktor-faktor lain. Namun demikian, ia jarang diambil kira kerana ia adalah amat sukar untuk menganggarkan kebolehpercayaannya. Kesukaran ini timbul kerana tiada kriteria yang boleh digunakan untuk mengukur kesukaran konseptual itu sendiri.

## FAKTOR AYAT

Pemahaman terhadap kandungan sesuatu petikan akan menjadi sukar apabila struktur ayatnya kompleks. Menyatakan kesukaran ayat boleh dikategorikan kepada lima, iaitu:

1. Kata kerja berbanding kata kerja pasif;
2. Proses membentuk kata nama;
3. Kata kerja bantu;
4. Bilangan klausa dalam ayat; dan
5. Pemahaman dan penggantian.

Berikut adalah beberapa contoh:
Cuba jelaskan ayat mana yang lebih mudah?

- Kucing itu duduk di atas tikar anda.
- Kucing itu di atas tikar.
- Di atas tikar kucing itu duduk.
- Duduk di atas tikar kucing itu.
- Kucing di atas tikar itu duduk.
- Duduk kucing itu di atas tikar.
- Dudukkan kucing itu di atas tikar.

Johnson (1998)

Soalan: Siapakah yang mempunyai baju biru? Jawapan yang mana yang lebih mudah untuk difahami?

- Gadis yang berdiri di sebelah wanita itu mempunyai baju biru.
- Gadis itu mempunyai baju biru dan dia berdiri di sebelah wanita itu.

Thompson dan Shapiro (2007)

Bilangan sisipan dalam sesuatu ayat. Contoh-contoh yang berikut ini menjelaskan cara sisipan dalam ayat meningkatkan kesukaran dan kerumitan bacaan:

1. Lelaki itu memandu kereta.
2. Lelaki yang memakai baju panas itu memandu kereta.
3. Lelaki yang memakai baju panas berlogo Manchester City itu memandu kereta.
4. Lelaki yang memakai baju panas berlogo Manchester City yang dibelinya melalui Internet itu memandu kereta.

Thompson dan Shapiro (2007)

Kajian telah menunjukkan penggunaan perkataan penerangan yang berlebihan seperti perkataan lebih suka, lebih kurang, sedikit, dan beberapa menyebabkan kefahaman teks menurun. Sama juga penggunaan perkataan kemungkinan seperti mungkin, selalunya, boleh jadi dan kadang kala menyebabkan kekaburan dan ketidakjelasan teks yang dibaca (Harrison 1980: 24). Contoh di bawah menunjukkan teks yang kabur.

*Ali pula sepanjang karyanya dalam Warna Merah itu tidak ditemui menggunakan metafora sama ada dalam bentuk personifikasi tetapi Ali memilih juga diksi-diksi yang mempunyai makna disebaliknya. Ada sedikit persamaan dengan Abu tetapi idea dan imejnya berbeza dan memberi pengertian yang lebih mudah.*

*Ali walaupun mengajak pembaca kepada apa yang tersurat namun ada juga yang tidak terus disuratkan dalam karyanya.*

## FAKTOR SUSUNAN TEKS

Faktor terakhir ini berkait rapat dengan cara sesuatu teks dipersembahkan. Susunan teks ini mengambil kira perkara-perkara seperti perenggan, tajuk-tajuk kecil, penggunaan perkataan yang digarisi, dicondongkan dan yang ditebalkan. Perkara-perkara tersebut

digunakan untuk menjadikan sesebuah teks itu lebih mudah difahami. Namun demikian kesahihan perkara ini tidak dapat dipastikan kerana kajian menunjukkan terdapat pelbagai dapatan yang menyokong dan menolak kesahihannya.

Contoh-contoh di bawah menunjukkan kepelbagaian persembahan teks.










family

children and me. At that moment I understood 1 Corinthians 13:13 "And now these three remain: faith, hope, and love. But the greatest of these is love."

In the end, nothing else will matter. It will not matter how much money you made, what kind of clothes you wore, the type of house you lived in, how far up the corporate ladder you climbed, or how pretty you were. The only thing that will matter is love — who you loved and who loved you. Doesn't that make life a whole lot simpler? Love is a four-letter word full of power.

Take a moment today to do something that really matters: hug your child, call someone you should have called yesterday, listen to your spouse, have dinner together, fix the kids breakfast in bed, smile, kiss, hold hands, and say, "I love you." When the day is done, you'll be glad you did those things. When the end has come, as it does for each of us, love is the thing we will remember most.

*How will you express your love today?*

the gift of time

*It will be gone before you know it.*
*The fingerprints on the wall appear higher and higher.*
*Then suddenly they disappear.*
— dorothy evslin

When I was sixteen, I babysat for the ladies' Bible class that my mom co-led. One day while I was babysitting, my dad called. One of his co-workers had concert tickets, and he needed to know if our busy teenage schedules could accommodate the activity.

When I got off the phone, one of the girls I was babysitting said, "Tay-tay, who was that?"

"That was my dad. He wanted to know if my siblings and I wanted to go to a concert with him."

The three-year-old girl became quiet and her face looked sad. I picked her up, placed her on my knee, and said, "What's wrong?" When she did not answer, I said, "Please tell me what's wrong, I can't help you if I don't know."

## FORMULA KEBOLEHBACAAN

Untuk menentukan tahap kebolehbacaan, bahan yang sesuai untuk murid mengikut peringkat formula kebolehbacaan boleh digunakan. Formula kobolehbacaan ialah satu cara atau teknik yang objektif dan saintifik dalam meramalkan tahap senang sukar sesuatu bahan bacaan itu. Tujuan utama mengadakan pengukuran kebolehbacaan sesuatu bahan pula adalah untuk membolehkan para pendidik, ibu bapa dan para penulis cuba menyesuaikan kebolehan membaca murid-murid dengan bahan yang mereka baca (Khadijah Rohani, 2002: 1).

## FORMULA KEBOLEHBACAAN KHADIJAH ROHANI MOHD YUNUS

Cara-cara mengguna formula kebolehbacaan Khadijah Rohani

A. Memilih petikan

1. Petikan pendek (300 perkataan). Apabila petikan pendek hendak digunakan, adalah penting menganalisis keseluruhan petikan itu, iaitu dengan mengambil kira jumlah 300 perkataan.
2. Petikan panjang atau dari buku teks. Apabila hendak menganalisis buku teks atau petikan yang panjang, adalah penting menganalisis sampel bahan-bahan bacaan itu sahaja. Pilih sampel di bahagian awal, bahagian pertengahan dan bahagian akhir bahan bacaan tadi. Tiap-tiap sampel mengandungi 100 perkataan.

B. Menggunakan formula

1. Bilang jumlah ayat dalam tiap-tiap tiga sampel yang mengandungi 100 patah perkataan tiap-tiap satunya. Anggarkan jawapan supaya menjadi hampir kepada persepuluh.

| | | |
|---|---|---|
| Jumlah ayat: | Sampel 1 | ___________ |
| | Sampel 2 | ___________ |
| | Sampel 3 | ___________ |
| | Jumlah | ___________ |

2. Bahagikan 300 patah perkataan dengan (1) untuk mendapatkan hitung panjang jumlah perkataan dalam satu ayat.

☐ 300

3. Bilangan jumlah suku kata dalam ketiga-tiga sampel yang mengandungi 100 patah perkataan tiap-tiap satunya. Campurkan untuk mendapatkan jumlah suku kata.

| | | |
|---|---|---|
| Jumlah suku kata: | Sampel 1 | ________ |
| | Sampel 2 | ________ |
| | Sampel 3 | ________ |
| | Jumlah | ________ |

4. Darabkan (2) dengan 0.3793 ______ X 0.3793 = _______
5. Darabkan (3) dengan 0.0207 ______ X 0.0207 = _______
6. Campurkan (4) dan (5) _________ + ________ = _______
7. Tolakkan 13.988 daripada (6) ____ - 13.988 = Tahap kebolehbacaan

**Jadual 1: Tahap Kebolehbacaan Bahan dan Darjah/ Tingkatan Pelajar**

| Tahap Kebolehbacaan | Darjah/ Tingkatan |
|---|---|
| 1 | 1 |
| 2 | 2 |
| 3 | 3 |
| 4 | 4 |
| 5 | 5 |
| 6 | 6 |
| 7 | 1 |
| 8 | 2 |
| 9 | 3 |
| 10 | 4 |
| 11 | 5 |
| 1.5 | Pada pertengahan tahun darjah 1 |
| 1.9 | Pada akhir tahun darjah 1 atau pada awal tahun darjah 2 dan seterusnya. |

Sumber: (Khadijah Rohani, 1987)

## KESIMPULAN

Penggunaan bahan bacaan yang boleh difahami oleh pembacanya adalah merupakan alat pengajaran yang paling berkesan. Oleh itu, menyediakan bahan bacaan yang sesuai kepada murid agar mereka memahami apa yang dibaca merupakan satu cabaran yang getir. Seorang guru yang berketerampilan perlulah merekayasa amalan mereka dari aspek pemilihan bahan bacaan yang sesuai kepada murid. Pengetahuan guru berkaitan kebolehbacaan akan membantu mereka memilih bahan bacaan dengan lebih baik dan menjamin keterampilan murid dalam bacaan.

Walau bagaimanapun, harus diingat bahawa formula kebolehbacaan hanyalah satu alat menganggar tahap kebolehbacaan bahan. Ia tidak mungkin boleh mengukur perkara-perkara berkaitan kepadatan idea dan konsep-konsep yang digunakan. Selain itu, formula kebolehbacaan tidak dapat mengukur perkaitan antara bahan yang dibaca dengan faktor minat, latar belakang, budaya dan kepercayaan pembaca.

Oleh yang demikian kebolehbacaan janganlah dianggap sebagai satu-satunya jawapan bagi masalah penilaian tahap buku dan menentukan kesesuian bahan bacaan dengan murid-murid tetapi ia boleh digunakan sebagai langkah pertama dalam mencari penyelesaian ke arah itu. Sekiranya, diteliti lebih lanjut, peranan guru amat penting dalam menjamin kelangsungan keterampilan membaca dalam kalangan muridnya.

## RUJUKAN


Anderson, R., Wilkinson, I. & Mason, M. (1987). *Do errors on classroom reading tasks slow growth in reading? Center for the Study of Reading Technical Report No. 404.* Champaign: University of Illinois at Urbana-Champaign

Andrews, Jamye et al. Developmental Issues in Readability. Diperoleh pada 12.7.2005 dari: *http://hubel.sfasu.edu/research/ develread.html.*

Chall. Jeanne.S. (1970). *Readability An Appraisal of Research and Application.* Epping, Essex: Bowker Publishing.

Chall, J. S. & Conard, S. (1991). *Should textbooks challenge students? The case for easier or harder books.* New York: Teachers College Press.

Dahlia Janan. (2003). *Kebolehbacaan dan Kesesuaian Teks Komponen Sastera Bahasa Melayu: Kajian Menurunkan Indeks Kebolehbacaan.* Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan.Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Dahlia Janan, (2011) *Towards a new model of readability*. PhD thesis, University of Warwick.

Dinsman (pngr). (1995). *Koleksi terpilih sasterawan negara Usman Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fry, E. (1977) *Elementary reading instruction*. New York: McGraw-Hill.

Gambrell, L., Wilson, R. & Gantt, W. (1981) Classroom observations of task- attending behaviors of good and poor readers. *Journal of Educational Research*, 74: 400–404.

Harrison Colin. (1980). *Readability In The Classroom.* London: Cambridge University Press.

Janan, D., Wray, D. & Pope, M. (2010) 'Paradigms in Readability Research', *International Journal of Arts and Sciences*, 3: 17, 19-29.

Johnson, K. (1998) *Readability: Measuring the Reading Age of Books and Other Reading Matter.* Available online at ttp://www.timetabler.com/reading.html

Khadijah Rohani Md. Yunus. (1987). "Formula Kebolehbacaan: Satu Cara Objektif Untuk Menentukan Tahap Kebolehbacaan Bahan-bahan Bacaan". dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 23:04, hal. 275-287.

Khadijah Rohani Md. Yunus. (2002). Kebolehbacaan dalam buku teks. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Kursus Penulisan Buku Teks Vokasional dan Teknikal untuk Sekolah Menengah. *Anjuran Bersama Bahagian Buku Teks dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia.*

Kletzien, S. (1991). Strategy use by good and poor comprehenders reading expository text of differing levels. *Reading Research Quarterly,* 26: 67–86.

Thompson, C., & Shapiro, L. (2007).Complexity in treatment of syntactic deficits. *American Journal of Speech-Language Pathology*, 18, 30–42.